

**Ibadat haji PM berjalan baik**  
**Utusan Online**  
**November 11, 2011**  
**Oleh SHARAIMEI SHAIK AHMEDULLAH**

SEPANG 10 Nov. – Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom menafikan dakwaan bahawa rombongan haji Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak tidak menyelesaikan urusan wajib ketika menunaikan ibadat tersebut.

Jamil Khir berkata, ini kerana sepanjang mengerjakan ibadat tersebut rombongan haji Perdana Menteri sentiasa dikawal oleh pihak kerajaan Arab Saudi supaya ia berjalan dengan baik.

“Sebenarnya isu ini tidak timbul langsung, kemungkinan ia disalah tafsir.

“Yang dimaksudkan bukan selesai ibadat haji, tetapi selesai wukuf. Wukuf ni waktunya dari Zohor hingga Maghrib pada 9 Zulhijjah dan lepas itu habis lah.

“Jadi, yang dimaksudkan itu ialah selesai wukuf, (tetapi) saya tengok lenggok bahasa yang digunakan itu selesai haji, jadi lenggok itu salah lah,” katanya kepada pemberita selepas tiba dari tanah suci di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini, hari ini.

Beliau mengulas laporan sebuah portal propembangkang Malaysiakini Selasa lalu yang melaporkan Mufti Perlis, Dr. Juanda Jaya terkejut bahawa seorang pemimpin kanan negara bersama isterinya serta orang kenamaan lain telah selesai menunaikan ibadat haji.

Menurut Juanda, ini kerana waktu paling awal bagi jemaah haji boleh menamatkan ibadat tersebut adalah pada waktu Zohor hari tersebut dan dengan syarat mereka melakukan nafar awal iaitu setelah selesai bermabit di Mina malam 11 dan 12 Zulhijjah dan melontar tiga jamrah pada dua hari berkenaan.

Mengulas lanjut, Jamil Khir berkata, rombongan Perdana Menteri telah menyelesaikan nafar awal iaitu berada di Mina pada malam hari 11, 12 dan 13 Zulhijjah.

“Ibadat haji ini disebut al-haj Arafah iaitu mesti kena pergi ke Arafah, kalau tak pergi Arafah tak adalah haji.

“Kemungkinan pada petang tersebut soalan itu selesai di Arafah sahaja manakala haji belum lagi kerana perlu melontar pula,” katanya.

Ditanya mengenai desakan Majlis Perundangan bagi Agama Buddha, Kristian, Hindu, Sikh dan Tao Malaysia (MCCBCHST) supaya amalan penyembelihan lembu ketika ibadat korban dilakukan secara tertutup, Jamil Khir berkata, isu tersebut tidak sepatutnya ditimbulkan.

“Kesefahaman tentang amalan di Malaysia penting, di mana hak orang Islam diberikan dalam Perlembagaan, budaya dan untuk amalan agama.

“Hal ini sudah diketahui lama dah dan sudah berjalan dengan baik sebelum ini dan kita lakukan ibadat korban ni bukan semata-mata nak berseronok tetapi sebagai ibadat dalam Islam,” katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1111&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_06.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1111&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_06.htm)